

PRIME'S ACRIFLAVINE SOLUTION

Acriflavine (0.4% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Acriflavine
2. Bagaimana Acriflavine berfungsi
3. Sebelum mengambil Acriflavine
4. Cara menggunakan Acriflavine
5. Semasa menggunakan Acriflavine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Acriflavine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Acriflavine

Ia digunakan untuk merawat jangkitan luka, melecur dan untuk disinfeksi pada kulit.

Bagaimana Acriflavine berfungsi

Acriflavine digunakan untuk membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan di dalam luka dan kelecuman.

Sebelum mengambil Acriflavine

- Bila tidak boleh mengambil

Jika ada alahan terhadap acriflavine atau ramuan-ramuan lain produk.

- Sebelum mula mengambil

Berhati-hati semasa menggunakan ubat berhampiran dengan mata kerana ia mungkin menyebabkan iritasi mata. Sila beritahu doktor jikalau anda mengandung atau menyusukan anak. Rawatan berlarutan mungkin melambatkan penyembuhan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja, biasanya kurang mempengaruhi kesan ubat-ubat lain.

Walau bagaimanapun, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jikalau mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan Acriflavine

- Berapa banyak harus diambil

Basuh bahagian kulit yang berkenaan dan sapu ubat seperti yang diperlukan.

- Bila perlu diguna

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu diguna

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa mengguna

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, guna seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan Acriflavine

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor atau ahli farmasi ubat yang sedang diambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau hamil atau menyusukan anak, elak penggunaan ubat kecuali atas arahan doktor.

Kesan-kesan sampingan

Tiada laporan kesan sampingan yang disebabkan oleh acriflavine. Walaupun demikian, ia mungkin mengakibatkan sensitiviti kepada cahaya untuk sesetengah pengguna. Jika berlaku sebarang kesan sampingan serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Acriflavine

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah 30°C. Jauhkan dari cahaya.
. Jauhkan dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang ingin dibuang.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Larutan warna kuning tua.

- Bahan-bahan kandungan

- bahan aktif:
acriflavine hydrochloride
- bahan tidak aktif:
sodium benzoate
air

- Nombor MAL:

MAL19912092XZ

Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/04/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)070417/00068